

**KOMUNITI SULUK DAN PERSOALAN MIGRASI:
'SIRIH PULANG KE GAGANG'
*THE COMMUNITY OF SULU AND THE ISSUE OF MIGRATION***

*Amrullah Maraining
Zaini Othman
Marsitah Mohd Radzi
Md Saffie Abdul Rahim
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan
Universiti Malaysia Sabah
Amrullahmaraining86@ums.edu.my*

Abstrak

Komuniti Suluk Sabah merupakan salah satu daripada 32 kelompok etnik yang diiktiraf sebagai peribumi Sabah. Walaupun memegang status sebagai peribumi, keberadaan komuniti ini di Sabah sebelum pembentukan Malaysia 1963 bahkan sejak ratusan tahun lalu dilihat masih tidak cukup untuk mengubah perspektif sosiologikal yang kebanyakannya menganggap etnik Suluk sebagai kelompok bermigrasi atau dalam erti kata yang lebih kasar disebut 'pendatang Filipina'. Menyedari peri pentingnya hal tersebut, makalah ini menggunakan data temu bual yang diperolehi melalui *focus group discussion* (FGD) dengan komuniti Suluk di Lahad Datu bagi merungkai bagaimana terbitnya konotasi negatif berkait identiti komuniti Suluk ekoran kurangnya kefahaman dalam kalangan masyarakat hari ini tentang epistemologi migrasi dan latar belakang sejarah Sabah secara terperinci.

Kata kunci: Migrasi, identiti, komuniti Suluk.

Abstract

The Suluk community is one of the 32 ethnic groups recognised as the natives of Sabah. Despite their status as indigenous peoples and their existence in Sabah long before the formation of Malaysia in 1963, i.e. since hundreds of years ago, the sociological perspective on them remains unchanged. Many still regard the Suluk community as a migrant group or harshly they are labelled as 'Filipino immigrants'. Upon the realisation of the importance of this issue, this paper uses data collected through the interview in focus group discussions (FGD) with the Suluk community in Lahad Datu. The purpose

of the interview is to investigate how those negative connotations associated with the identity of Suluk community are established. The findings show that the negative connotation is due to lack of understanding among the present generation on the epistemology of migration as well as lack of knowledge on the history of Sabah.

Keywords: *Migration, identity, Suluk community.*

Pengenalan

Komuniti Suluk Sabah merupakan salah satu daripada 32 kelompok etnik yang diiktiraf sebagai peribumi Sabah.¹ Walaupun memegang status sebagai peribumi, keberadaan komuniti ini di Sabah sejak ratusan tahun lalu dilihat masih tidak cukup untuk mengubah perspektif sosiologikal dalam kalangan masyarakat umum yang kebanyakannya menganggap etnik Suluk sebagai kelompok bermigrasi atau dalam erti kata yang lebih kasar disebut ‘pendatang Filipina’. Senario ini sebenarnya bermula apabila sejarah asal usul dan pertapakan etnik Suluk di Sabah mula dirungkai dari perspektif migrasi tanpa memahami dengan jelas latar belakang sejarah Sabah (*Sabah Historical Background*), terutamanya ketika berada di era pengaruh kuasa kesultanan seperti Kesultanan Sulu, Kesultanan Brunei dan Kesultanan Bulungan.² Ketiga-tiga kuasa kesultanan ini memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan citra sejarah Sabah pada hari ini. Menyedari hakikat betapa pentingnya memahami latar belakang sejarah Sabah bagi mengelakkan munculnya perspektif negatif, makalah ini tampil bagi membahaskan bagaimana komuniti Suluk boleh dianggap sebagai kelompok bermigrasi di Sabah tanpa memahami dengan jelas epistemologi ilmu migrasi dan latar belakang sejarah Sabah secara terperinci. Hal ini penting kerana pada akhirnya ketidakfahaman ini akan menyebabkan berlakunya krisis identiti dalam kalangan komuniti Suluk di Sabah.

Konsep Migrasi

Migrasi ditakrifkan sebagai penghijrahan seseorang dari suatu tempat ke tempat yang lain dengan tujuan menetap secara kekal.³ Dalam kalangan para sarjana, migrasi biasanya akan melibatkan jarak yang pelbagai sama ada melintasi sempadan kawasan negeri, negara, atau antarabangsa.⁴ Dalam

kajian kependudukan, migrasi ditakrifkan sebagai perpindahan yang relatif kekal atau tetap dari satu daerah (negara) ke daerah (negara) yang dipengaruhi oleh dua dimensi penting iaitu ruang dan waktu.⁵

Di Nusantara, migrasi disamaertikan dengan perkataan *merantau* bagi merujuk perlakuan migrasi dalam kalangan komuniti Minangkabau⁶ dan istilah "*pasompe*"⁷ yang digunakan bagi menerangkan perlakuan migrasi komuniti Bugis. Dalam konteks Borneo pula mengambil contoh komuniti Iban di Sarawak, migrasi disamaertikan pula dengan perlakuan *bejalai*, iaitu perlakuan keluar meninggalkan rumah panjang/kampung halaman dengan pelbagai tujuan peribadi seperti memburu kepala sebagai bukti keberanian, status sosial dan penghormatan serta simbol keberdikarian dan kedewasaan bagi tampil sebagai seorang lelaki sejati.⁸ Selain untuk tujuan peribadi, *bejalai* juga disebabkan oleh tuntutan ekonomi terutamanya melibatkan jarak yang jauh seperti di Borneo Utara.⁹

Migrasi secara umumnya dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu migrasi dalaman dan migrasi luaran.¹⁰ Migrasi dalaman bermaksud proses perpindahan masyarakat dari satu kawasan ke kawasan yang lain yang tidak melintasi batasan sempadan negara. Migrasi luaran pula merupakan proses perpindahan masyarakat dari satu kawasan ke kawasan yang lain dengan merentasi sempadan negara.

Merujuk kepada sejarah masa lampau migrasi sesebuah kelompok etnik, kebiasannya pergerakan ini sering menyebabkan konflik antara penduduk asal dan kelompok pendatang. Dalam kalangan penduduk asal, pada kebiasaannya persaingan ekonomi menjadi sebab utama berlakunya konflik.¹¹ Konflik terjadi bilamana penduduk asal bertindak mempertahankan hak mereka daripada diambil oleh mereka yang berstatus pendatang.

Dalam kes komuniti Suluk di Sabah, mereka juga tidak terlepas daripada konflik yang disebabkan oleh faktor ekonomi. Namun, selain faktor ekonomi terdapat juga faktor lain yang menjadi penyebab tercetuskan konflik. Contohnya, ancaman keselamatan seperti yang diutarakan oleh Ramli Dollah *et al.* (2003)¹² dalam makalahnya yang membahaskan impak keselamatan ekoran kehadiran pendatang Filipina di Sabah.

Bagi kelompok pendatang pula, persoalan identiti merupakan hambatan dan cabaran utama yang harus ditempuhi kerana migrasi sesebuah kelompok etnik ke tempat yang baharu biasanya bukan bersifat sementara tetapi akan kekal sebagaimana yang diutarakan oleh Weinberg (1961) bahawasanya migrasi melibatkan perubahan tempat kediaman untuk selama-lamanya”.¹³ Oleh hal yang demikian, bagi kelompok ini yang hakikat migrasinya bersifat kekal, sudah pasti menjadi satu keperluan bagi mereka untuk mempunyai identiti yang jelas bagi membolehkan mereka diterima oleh komuniti peribumi. Hal ini penting kerana kelompok ini sentiasa berhadapan dengan persoalan sama ada diterima sebagai sebahagian daripada komuniti setempat atau kekal berstatus pendatang disebabkan ketidakjelasan identiti.

Migrasi, Identiti dan Adaptasi

Salah satu hakikat yang tidak harus ditolak sebaliknya harus diterima selaku kelompok bermigrasi adalah persoalan identiti.¹⁴ Dari era migrasi kuno iaitu merujuk zaman prasejarah di mana sebelum terbentuknya sempadan geopolitik hingga wujudnya sempadan geopolitik rasmi pada hari ini, krisis identiti telah menjadi lumrah dan merupakan cabaran utama bagi kelompok yang bermigrasi. Di mana pun juga bagi mereka yang bermigrasi, mereka tidak pernah terlepas dari dihantui persoalan tersebut. Hal ini demikian kerana pada kebiasaannya perlakuan migrasi akan melibatkan pembentukan identiti baharu seperti yang diujahkan oleh Eisenstadt (1955) iaitu migrasi sebagai perlakuan “meninggalkan susunan sosial tertentu dan memasuki susunan sosial yang lain”.¹⁵ Hujah ini adalah jelas bahawa migrasi pada akhirnya akan mewujudkan identiti baharu.

Salah satu contoh yang jelas dapat dilihat bagaimana proses migrasi memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti sesebuah kelompok adalah berdasarkan kajian sejarah migrasi masyarakat Lundayeh ke Sabah 1900–1963 oleh Bilcher Bala (2011) yang merungkai hubungan sosiologikal yang wujud antara etnik Lundayeh yang mendiami daerah pedalaman Sabah, Long Pasia dan etnik Lunbawang yang mendiami daerah Lawas, Sarawak.¹⁶ Berdasarkan kajian tersebut, nama suku Lundayeh sebenarnya merupakan nama baharu bagi suku Lun Bawang selepas bermigrasi ke Sabah. Oleh itu, kedua etnik ini walaupun berlainan nama dan daerah kediaman tetapi mereka

mengamalkan adat, budaya, tradisi dan cara hidup yang sama.¹⁷ Hal ini jelas memperlihatkan bagaimana migrasi memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti baharu.

Sungguhpun demikian, perlu difahami dengan jelas bahawa tidak semestinya perlakuan migrasi akan menyebabkan pembentukan identiti baharu. Paling kurang pun biasanya akan melibatkan proses penyesuaian diri atau adaptasi ekoran perubahan tempat tinggal seperti yang dijelaskan oleh Hagerstrand (1957) yang melihat migrasi sebagai perubahan tempat tinggal dari satu komuniti ke komuniti yang lain dan seterusnya beradaptasi menjadi sebahagian daripada komuniti tersebut.¹⁸ Kenyataan ini juga disokong oleh beberapa sarjana yang mempunyai pandangan yang sama bahawa pembentukan identiti tidak semestinya berlaku bagi kelompok yang bermigrasi. Perkara ini adalah berdasarkan kajian Cunningham (1958),¹⁹ dan Brunner (1972),²⁰ menerusi kajiannya tentang migrasi orang Batak ke Sumatera Timur dan Jawa. Hujah ini diperkuatkan lagi dengan kajian Liddle (1970),²¹ yang mengambil contoh perlakuan migrasi mencari pekerjaan di Afrika dan Amerika Latin yang mana jelas membuktikan bahawa migrasi tidak semestinya perlu terjadi dengan meninggalkan susunan sosial dan budaya asal mereka.

Komuniti Suluk sebagai Kelompok Bermigrasi Berdasarkan Kajian Lepas

Perbincangan tema migrasi dalam konteks komuniti Suluk di Sabah jelas dikemukakan menerusi beberapa penulisan yang mengklasifikasikan etnik Suluk sebagai kelompok bermigrasi. Antaranya, seperti penulisan Badlishisyam (2000)²² yang membahas migrasi dan dakwah dalam kalangan migran Filipina Muslim di Kota Kinabalu, Sabah dengan membahagikannya kepada beberapa tempoh masa, iaitu era Sepanyol menyerang Sulu dan Tawi-Tawi di selatan Filipina yang menyebabkan kemasukan beramai-ramai orang Suluk ke Sabah sekitar abad ke-15, era perjuangan Mindanao pada tahun 1970-1977²³ dan selepas tahun 1978²⁴. Penulisan beliau ini berhujah bahawa ketidakstabilan politik dan pergolakan di selatan Filipina dan gerakan dakwah islamiah menyebabkan berlakunya migrasi etnik Suluk ke Sabah. Dalam penulisan beliau, istilah migran digunakan bagi merujuk komuniti Suluk di Sabah.

Seterusnya, Zulkifli Hassan (1999)²⁵ pula dalam penulisannya turut menyokong fakta bahawa komuniti Suluk ini merupakan kelompok bermigrasi berdasarkan penulisannya tentang sejarah kedatangan komuniti ini ke Sabah yang menurutnya dipengaruhi oleh dua faktor penting, iaitu keadaan tempat asal (faktor penolak seperti masalah ekonomi, masalah keselamatan di tempat asal Filipina dan dasar kerajaan negara asal dan keadaan tempat baharu yang menarik (faktor tarikan) seperti hubungan sosiobudaya, peluang pekerjaan dan ekonomi, dan pengawasan yang longgar. Selain membicarakan faktor penghijrahan, beliau juga menyatakan bahawa terdapat tiga jenis pengangkutan yang digunakan untuk datang ke Sabah iaitu *tempel*, *kumpit* dan *lensa*. Antara ketiga-tiga pengangkutan yang digunakan tempel merupakan pengangkutan yang paling popular dan sering menjadi pilihan untuk digunakan membawa mereka masuk ke Sabah.

Berdasarkan penulisan yang telah diketengahkan, ‘sudah terang lagi bersuluh’ bahawa sememangnya komuniti Suluk telah lama bertapak di Sabah. Kenyataan ini dibuktikan dengan adanya beberapa penulisan terdahulu yang mengetengahkan keberadaan etnik Suluk di Sabah menerusi pelbagai perspektif. Sungguhpun demikian, kepelbagaian perspektif tersebut walaupun terkait persoalan asal usul migrasi komuniti ini yang boleh dikatakan terawal berbanding etnik lain dan dipengaruhi faktor kesejarahannya menerusi Kesultanan Sulu yang umumnya mengetahui kekuasaannya meliputi sebahagian Sabah khususnya pantai timur, hakikat tersebut masih tidak dapat menutupi stigma negatif berkaitan asal usul komuniti ini. Stigma ini jelas diketengahkan dalam penulisan ilmiah selain berlegar dalam ruang sosial masyarakat, bukan sahaja di Sabah tetapi rakyat Malaysia keseluruhannya. Persepsi ini menjadi lebih serius selepas terjadinya insiden berdarah Lahad Datu 2013²⁶ yang menyaksikan wujudnya konotasi yang lebih negatif dalam melabel komuniti ini seperti pengganas dan penjenayah.²⁷

Menyedari hakikat tersebut, makalah ini cuba merungkai persoalan bagaimana komuniti Suluk di Sabah walaupun telah tersenarai dalam 30 etnik peribumi Sabah, tetapi masih lagi dianggap sebagai migran atau ‘pendatang Filipina’. Dalam membahas persoalan tersebut, epistemologi migrasi dan latar belakang sejarah (*historical background*) Borneo Utara yang dahulunya berada di bawah pengaruh kuasa Kesultanan Sulu harus difahami dengan

jelas bagi mengelakkan kesalahfahaman dan kekeliruan dalam menentukan identiti komuniti Suluk di Sabah.

Borneo Utara Era Pengaruh Kesultanan Sulu

Berdasarkan catatan sejarah, empayar Kesultanan Sulu mula direkodkan pada tahun 1458.²⁸ Wilayah kekuasaannya ketika itu meliputi Kepulauan Sulu, Palawan, Mindanao, Basilan dan Borneo Utara (kini Sabah).²⁹ Pada tahun 1658, wilayah Borneo Utara telah dihadiahkan kepada Sultan Sulu oleh Sultan Brunei sebagai ganjaran di atas pertolongan membantu peperangan saudara di negeri itu yang berlanjutan selama 10 tahun.³⁰

Selepas peristiwa penyerahan tersebut, Borneo Utara mula berada di bawah pengaruh Kesultanan Sulu. Wilayah kekuasaan Kesultanan Sulu ketika itu merangkumi bahagian timur Borneo Utara termasuk di kawasan sepanjang Sungai Sugut, Sungai Labuk, Sungai Kinabatangan dan Sungai Segama. Pada ketika itu juga, Borneo Utara dibahagikan kepada tiga wilayah yang ditadbir oleh beberapa orang ketua yang memegang gelaran Datu, Syarif, Tuan dan Pangeran.³¹ Antara wilayah tersebut seperti;

i. Wilayah Marudu

Diketuai oleh Syarif Osman. Wilayah ini meliputi kawasan Kepulauan Palawan, Balabak, Banggi, Balambangan, Marudu, Tempasuk, Ambong, Pitas atau Lingkabao, Paitan, Sugut, Labuk, dan berakhir di Teluk Sandakan.

ii. Wilayah Mangindora


Diketuai oleh Tuan Abandol (Sungai Sandakan), Datu Bandar (Pangeran) Betau (di Segaliud dan mengetuai orang-orang Buludupi/Idaan/Sungai). Wilayah ini meliputi kawasan Sandakan, Kinabatangan, Tungku, Sabahan (Tingkayu), sehingga ke Sungai Apas.

iii. Wilayah Tirun

Wilayah ini ditadbir oleh beberapa orang Datu antaranya Datu Sapindin yang mentadbir Sabahan (sebuah daerah kecil di Teluk Darvel). Wilayah ini menganjur dari Sabahan sehingga ke kawasan Sibuko, Sambakong, Bulungan dan Berau.³²

Antara ketiga-tiga wilayah tersebut, Marudu merupakan wilayah utama dan merupakan kawasan yang terbesar. Sungguhpun demikian, harus diketahui bahawa sungguhpun kesemua wilayah tersebut terletak di bawah pengaruh Kesultanan Sulu tetapi bukanlah secara keseluruhannya dikuasai oleh etnik Suluk tetapi juga etnik lain seperti Iranun, Bajau, Brunei dan Tidung. Perkara ini jelas terbukti dengan gelaran yang diguna pakai bagi setiap penguasa di setiap wilayah yang memegang gelaran seperti datu/tuan bagi etnik Suluk dan Tidung di wilayah Magindora dan Tirun, Syarif bagi etnik Iranun di Marudu dan pangeran bagi etnik Brunei.

Peta 1 Wilayah kekuasaan kesultanan Sulu, Kesultanan Brunei dan Kesultanan Bulungan



Sumber: Circa 1840: Territories of Sultans of Brunei and Sulu

Penguasaan Sulu di bahagian pantai timur Sabah kekal sehinggalah termeterainya Perjanjian pajakan secara berkekalan ‘*in perpetuity*’ iaitu ‘selagi adanya bulan dan bintang’ pada 22 Jan 1878 kepada Gustavus Baron de Overbeck dan Alfred Dent yang mewakili British Company. Perjanjian 1878 ini menyatakan bahawa semua jajahan di bahagian pantai timur Borneo Utara dari Sungai Pandasan sehingga selatan Sungai Sibuku telah dipajakkan secara rasmi dengan bayaran sebanyak \$5,000 dollar setahun.³³

Pemberian pajakan ini ditafsirkan sebagai penyerahan sebagaimana terjemahan dalam bahasa Inggeris sebagai “permanent lease” “...*forever until*

the end of time".³⁴ Perjanjian ini juga menyebut bahawa Sultan Sulu berjanji "tidak akan menyerahkan wilayahnya kepada negara asing atau rakyat negara asing tanpa keizinan Kerajaan British."³⁵ Perjanjian penyerahan ini ditegaskan lagi berdasarkan dokumen yang ditandatangani oleh Sultan Sulu, Jamalul Kiram pada 22 April 1903 yang merujuk kepada Perjanjian 1878 itu sebagai perjanjian Penyerahan (*Cession*).³⁶ Selepas perjanjian ini termeterai, secara rasminya berakhirilah penguasaan Kesultanan Sulu di Borneo Utara.

Sejarah Pertapakan Awal Etnik Suluk di Sabah

Sejarah Pertapakan etnik Suluk dan pengaruh Kesultanan sulu di Borneo Utara (kini Sabah) sebenarnya jelas terbukti melalui kewujudan beberapa petempatan terawal yang menggunakan bahasa Suluk asli sebagai nama petempatan seperti Silam, Lahad Datu dan Sandakan. Ketiga-tiga daerah tersebut menggunakan bahasa Suluk asli³⁷ yang mana Silam membawa erti kawasan terlindung bukit, Sandakan bermaksud tanah gadaian dan Lahad Datu pula bererti tempat persinggahan Datu dan Ranau pula berasal dari perkataan *maranau* bermaksud kawasan bergunung-ganang.³⁸ Penggunaan bahasa Suluk sebagai nama petempatan bukan sahaja menjadi bukti pertapakan awal etnik Suluk di beberapa buah daerah di Borneo Utara tetapi juga memperlihatkan citra sebenar bahawasanya suatu ketika dahulu beberapa buah daerah di Borneo Utara berada di bawah pengaruh Kesultanan Sulu.

Menurut Hj Abd Rani Abirin, petempatan Suluk yang terawal di Lahad Datu, Sabah bermula di Kampung Silam. Ia wujud sebelum kedatangan British lagi.³⁹ Pada ketika itu, orang dari selatan Filipina iaitu nenek moyang mereka telah datang dan membina petempatan di Silam dan kekal sehingga kini. Tambah beliau lagi, Kampung Silam sebenarnya dibuka oleh seorang pembesar yang cukup berpengaruh pada era Kesultanan Sulu bernama Arasiah. Beliau merupakan pelopor kepada kedatangan orang Suluk di Sabah sebelum pertapakan BNBCC lagi.

Pada hari ini, umumnya petempatan etnik Suluk tertumpu di kawasan pantai timur di Sabah seperti Tawau, Sandakan, Lahad Datu, Kunak dan Semporna.⁴⁰ Pemilihan lokasi tersebut dipercayai disebabkan kesemua lokasi tersebut merupakan kawasan berpantai yang sejak tradisinya menjadi pilihan

etnik ini untuk membina petempatan. Selain di daerah tersebut, etnik Suluk turut mendiami daerah lain seperti Kota Kinabalu, Tuaran, Penampang dan daerah Kudat.⁴¹ Kebanyakan suku Suluk yang mendiami daerah-daerah di Sabah terdiri dari suku Suluk Tapol, Suluk Parang, Suluk Basilan, Suluk Lugus, Suluk Gimbahanun dan Suluk Pata dari Kepulauan Jolo.⁴² Menurut statistik tahun 2013 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan, jumlah orang Suluk di Sabah dianggarkan berjumlah lebih 300,000 orang.⁴³

Dari aspek bahasa, etnik suluk ini menggunakan bahasa ‘sug’ sebagai bahasa pertuturan dalam kalangan mereka. Walaupun demikian, pada hari ini bahasa Melayu dilihat telah menjadi bahasa pertuturan utama di daerah-daerah petempatan Suluk terutamanya dalam kalangan belia. Mengikut sejarah, bahasa asal Suluk yang menjadi pertuturan harian dan digunakan hingga hari ini berasal dari bahasa orang Tagimaha (Taguima dari Basilan). Najeeb Saleeby (1908) pula menjelaskan dalam *Salsilah Sulu* yang dicatatkan Tausug dan bahasanya dikatakan berasal dari beberapa etnik yang bergabung iaitu Buranun, Tagimaha, Baklaya, Orang Dampuan, dan Orang Banjar.⁴⁴ Mereka berhijrah ke kepulauan Sulu sehingga terbentuk satu masyarakat yang dikenali sebagai Tausug.⁴⁵

Menelusuri sejarah pertapakan etnik Suluk di Sabah, sebenarnya kedatangan komuniti ini ke Borneo Utara selain atas tujuan politik (perluasan wilayah), ia juga atas tujuan ekonomi. Semasa Borneo Utara berada di bawah pengaruh Kesultanan Sulu, aktiviti ekonomi yang melibatkan interaksi dua wilayah ini telah pun bermula. Berdasarkan fakta sejarah penghijrahan dalam kalangan penduduk Kepulauan Sulu dan selatan Filipina ke Borneo Utara telah bermula Sejak awal kurun ke-9. Hal ini terbukti apabila ketika itu, sudah terdapat aktiviti perdagangan antara penduduk Sitangkai dan Borneo terutamanya melibatkan aktiviti perdagangan pertukaran barang antara kedua-dua penduduk.

Menjelang abad ke-19, hubungan ekonomi antara kedua wilayah ini terus terjalin. Bukti kewujudan hubungan dagangan niaga yang erat antara Borneo Utara dan Kepulauan Sulu jelas dibuktikan menerusi Jadual 1 yang menunjukkan jumlah perdagangan antara Sulu dengan wilayah-wilayah di timur laut Borneo.

Jadual 1 Jumlah perdagangan antara Sulu dengan wilayah-wilayah di timur laut Borneo kurun ke-19

Wilayah (Sungai)	Tiram, Mutiara	Lilin	Kapur Barus	Rotan	Sarang Burung	Kulit Kura-kura
Marudu	25 kt	200 p	20 p	cq	27 p	50 p
Paitan	-	uq	cq	uq	-	cq
Sugut	-	cq	-	-	-	-
Labuk	cq	uq	-	uq	uq	-
Sandakan	5 kt	2p	3 p	uq	250 p	-
Kinabatangan	-	600 p	-	uq	130 p	-

Sumber: Warren, J. F. (1981: 94)

Kt = kati cq = jumlah yang banyak

P = pikul uq = jumlah yang tidak menentu

Sehingga kini, hubungan ekonomi kedua wilayah ini tidak pernah terhenti. Walaupun kedua-dua wilayah dipisahkan oleh sempadan geopolitik rasmi Malaysia dan Filipina, ia tidak menjadi penghalang, sebaliknya hubungan ekonomi yang telah terjalin sejak era Kesultanan Sulu masih diteruskan dalam dua bentuk, pertama secara informal/*illegal* dengan membawa barang dagangan dari selatan Filipina untuk ditukar dengan barang dari beberapa buah bandar di Sabah seperti Lahad Datu, Semporna, Sandakan, dan kedua, yang lebih formal menerusi pelabuhan berdaftar dengan melibatkan cukai kastam.⁴⁶

Migrasi sebagai Penentu Identiti Suluk Sabah

Sudut pandang masyarakat khususnya di Sabah memperlihatkan bagaimana tafsiran identiti yang berpandukan tempoh masa migrasi dijadikan pengukur bagi membezakan Suluk Sabah dan Suluk Filipina.

“Suluk Sabah, telah lama datang, telah bertapak di Sabah, mempunyai dokumen yang lengkap...Suluk Filipina (pendatang filifina), baru datang kemarin, tidak mempunyai sebarang dokumen.”

(Kajian lapangan,2013)

Pernyataan di atas jelas menunjukkan tafsiran komuniti Suluk di Sabah berkenaan identiti mereka yang tampil dengan dua wajah iaitu ‘Suluk Sabah’

dan ‘Suluk Filipina’. Kenyataan tersebut jelas menunjukkan bagaimana tempoh masa migrasi memainkan peranan penting dalam menentukan identiti komuniti Suluk di Sabah pada hari ini.

Dari tahun 1990–an hingga kini, keberadaan komuniti ini di Sabah sebenarnya telah lama dipersoalkan. Bahkan, persepsi bahawa komuniti migran dari selatan Filipina mula hangat diperkatakan. Persepsi ini sebenarnya timbul apabila tempoh masa kedatangan yang ditakrifkan sebagai migrasi ke Sabah dan tempoh keberadaan dijadikan kayu pengukur bagi menentukan identiti komuniti ini. Kesan daripada persoalan tersebut wujud dua terminologi iaitu ‘Suluk Sabah’ dan ‘Suluk Filipina’.

Hal ini jelas melalui penulisan yang dikemukakan oleh Norlena Unding (2006) yang membahagikan etnik Suluk di Sabah kepada tiga kategori, iaitu penghijrah awal⁴⁷ (tradisi atau hubungan kekeluargaan), golongan pelarian politik (1972-1980)⁴⁸ dan pendatang asing (1981-sehingga kini).⁴⁹ Penulisan ini jelas membuktikan bagaimana tempoh masa kedatangan berperanan menentukan status peribumi komuniti Suluk di Sabah sama ada status mereka sebagai penduduk peribumi atau pendatang.

Identiti komuniti Suluk yang dikaitkan dengan migrasi juga turut menjadi tumpuan pihak media terutamanya selepas insiden Lahad Datu. Perkara ini terbukti apabila akhbar Utusan misalnya turut memberi tafsiran dan mengelaskan komuniti Suluk ini dengan membahagikannya kepada beberapa kategori iaitu warganegara Malaysia, bukan warganegara (pakai pasport), pelarian dan pendatang haram.⁵⁰

Tafsiran yang pelbagai tentang komuniti Suluk ini sebenarnya dipengaruhi oleh dua perspektif seperti yang diutarakan oleh Shamsul (1996), iaitu *authority define* (perspektif pemerintah) dan *every define* (perspektif komuniti).⁵¹ Kedua-dua perspektif inilah yang sebenarnya berperanan penting kerana memberi pengaruh yang sangat besar dalam menentukan identiti etnik Suluk. Dalam konteks ini, identiti komuniti Suluk yang ditentukan oleh migrasi sebenarnya memperlihatkan dengan jelas bagaimana realiti sosial hari ini memperlihatkan pertindihan pendapat ‘*authority-defined*’ versus ‘*everyday-defined*’ yang akhirnya melahirkan pelbagai konotasi negatif berkait komuniti Suluk di Sabah.

Konotasi tersebut menyebabkan identiti komuniti ini dilihat tidak statik dan sering berubah. Hal ini jelas terutamanya selepas insiden Lahad Datu. Jika sebelum ini komuniti Suluk diiktiraf sebagai peribumi Sabah, pada hari ini senarionya berbeza. Identiti komuniti Suluk yang dahulunya diterima sebagai peribumi kini dianggap pula sebagai pendatang dengan migrasi dijadikan asas bagi menentukan identiti komuniti ini. Keadaan jelas memperlihatkan bagaimana identiti komuniti Suluk Sabah seakan dikonstruksi hingga menyebabkan ia berubah. Dalam membahas isu ini, pandangan yang dikemukakan Shamsul (1996) dalam hujah beliau bahawa identiti bersifat dinamik, iaitu boleh dikonstruksi, didekonstruksi, malah direkonstruksi.⁵² Perkara ini terbukti apabila hal ini jelas memperlihatkan bagaimana identiti komuniti Suluk ini dikonstruksi oleh pelbagai pihak menerusi saluran media daripada memiliki taraf yang sah sebagai peribumi Sabah dahulunya dan kini dianggap pula sebagai pendatang Filipina ekoran peristiwa berdarah Lahad Datu.

Suluk Sabah Bukan Kelompok Bermigrasi

Dalam melabel komuniti Suluk sebagai kelompok bermigrasi, satu persoalan penting yang harus dijawab ialah bagaimana komuniti Suluk pada hari ini bisa dianggap sebagai pendatang Filipina, sedangkan keberadaan dan pertapakan mereka di Borneo Utara telah bermula sebelum pembentukan Malaysia lagi. Bahkan, hakikat sejarah juga menyatakan bahawa Borneo Utara (kini Sabah) merupakan sebahagian wilayah Kesultanan Sulu suatu ketika dahulu. Oleh hal yang demikian, tafsiran masyarakat umum bahawa komuniti Suluk Sabah ini bermigrasi harus diperbetulkan dan disangkal dengan kadar segera agar tidak menimbulkan masalah yang lebih serius, terutamanya berkenaan persoalan identiti. Namun, dari sisi lain harus juga diakui bahawa terdapat juga komuniti Suluk Filipina yang datang datang untuk tujuan ekonomi dan pelarian politik. Kelompok ini dapat dibezakan menerusi kronologi sejarah migrasi mereka yang hadir dalam dua tempoh masa iaitu sebelum 1963 dan selepas 1963.

Berdasarkan pendefinisian migrasi secara jelasnya, sebelum tahun 1963 adalah tidak benar jika komuniti Suluk dianggap sebagai pendatang Filipina. Hal ini demikian kerana secara tradisinya istilah migrasi merujuk kepada perpindahan sekumpulan manusia yang melintasi batas sempadan

antarabangsa (migrasi antarabangsa) atau sempadan wilayah (migrasi dalaman/domestik.) Namun dalam konteks komuniti Suluk yang telah bertapak di Sabah sebelum pembentukan Malaysia lagi, bagaimana komuniti ini boleh dianggap kelompok bermigrasi dan berstatus migran, sedangkan fakta jelas menyatakan bahawa selepas 1963 barulah wujud sempadan geopolitik antarabangsa bagi Malaysia. Oleh itu, dari aspek mana migrasi dijadikan asas merungkai keberadaan komuniti Suluk di Sabah sedangkan tiada aktiviti melintasi sempadan berlaku dan mereka telah bertapak di Sabah sebelum pembentukan Malaysia lagi. Bahkan, komuniti Suluk juga turut terlibat sama dalam referendum atau pungutan suara bagi menyatakan persetujuan tentang pembentukan Malaysia pada 1 September 1962.

Dari sudut pandang yang lain pula, timbul persoalan, jika komuniti Suluk ini dianggap sebagai pendatang Filipina mengapa pula dalam pilihan raya umum memilih kerajaan negara ini khususnya bagi negeri Sabah keterlibatan mereka tidak pernah dipersoalkan.⁵³ Buktinya menjelang 2013, dianggarkan lebih 700,000 Orang Suluk yang mempunyai kuasa memilih kerajaan menerusi pengundian.⁵⁴ Bukankah berdasarkan perundangan mereka yang berstatus migran atau pendatang langsung tidak mempunyai kelayakan dan hak untuk terlibat dalam pilihan raya memilih kerajaan setiap lima tahun berdasarkan prinsip demokrasi?

Apa yang berlaku hari ini adalah sebaliknya. Terdapat dalam kalangan komuniti Suluk yang terlibat secara langsung dan menjawat jawatan penting dalam parti politik negara ini, tidak kira di pihak Barisan Nasional (BN) mahupun PKR, PAS dan lain-lain lagi. Atas sebab keterlibatan komuniti Suluk dan latar belakang sejarah bangsa ini yang hakikatnya tidak dapat dipisahkan dengan Sabah kerana berkongsi banyak kisah dan citra sejarah. Hal ini demikian kerana majoriti komuniti Suluk di Sabah sudah lama berikrar menyatakan taat setia kepada Yang Dipertuan Agung Ketua Kerajaan Malaysia sejak dahulu lagi.⁵⁵ Perkara ini seiring dengan ungkapan salah seorang pemimpin etnik Suluk di Kampung Silam yang menyatakan ketersediaan mereka untuk berdepan dengan Suluk Filipina yang datang menceroboh di Sabah.

*Kami Suluk Sabah bersedia bila-bila masa...
Biar Suluk Sabah..lawan Suluk Filipina...³⁶.*

(Salim, 2018)

Berlandaskan kenyataan di atas, sudah sewajarnya identiti komuniti Suluk Sabah sebagai warganegara dan ketaatsetiaannya kepada negara tidak perlu dipersoalkan lagi terutamanya selepas insiden Lahad Datu. Oleh itu, suara-suara halus yang mendominasi ruang sosial mengatakan komuniti ini sebagai 'pendatang Filipina' dan kelompok bermigrasi harus disangkal sama sekali kerana dikhuatiri akan menyebabkan *ethnic crisis* suatu hari nanti.

Kesimpulan

Tuntasnya, konotasi negatif berkait identiti komuniti Suluk sebagai kelompok bermigrasi yang mendominasi ruang sosial pemikiran masyarakat hari ini sebenarnya didasari oleh kesalahfahaman dan ketidakfahaman yang jelas tentang epistemologi migrasi selain kurangnya kesedaran sejarah (*historical awareness*). Ekoran ketidakfahaman dan ketidakjelasan inilah yang akhirnya menyebabkan timbulnya persoalan identiti sehingga menafikan hakikat bahawa suatu ketika dahulu Borneo Utara (kini Sabah) merupakan salah satu wilayah kekuasaan Kesultanan Sulu. Hakikat bahawa komuniti Suluk dari perspektif sejarah awal kesultannya sebagai tidak bermigrasi perlu diterima oleh semua pihak. Komuniti ini telah berada di Borneo Utara (kini Sabah) sejak era *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) lagi. Oleh itu, segala kesalahfahaman dan ketidakjelasan ini harus diatasi segera kerana jika dibiarkan, ia akan melarat dan menduri dalam daging yang akan mengancam kesepaduan etnik dan seterusnya menggugat perpaduan kaum di negara kita umumnya dan di Sabah khususnya.

Nota

- ¹ Abdul Nassir Said & Mohammad Mahdi Abas, *Memalarsegarkan Tradisi Lisan Etnik Sabah Melalui Pendokumentasian*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Sabah, 2010.
- ² K.G Tregonning, *A history of modern Sabah (North Borneo, 1881-1963)*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1965. Lihat, Khoo Kay Kim, *Sabah: History and Society*, Kuala Lumpur: Malaysia Historical Society, 1981. Juga lihat, F. G. Whelan, *A History of Sabah*, Macmillan, 1970.
- ³ Abraham A. Weinberg, *Migration and Belonging: A Study of Mental Health and Personal Adjustment in Israel*, Studies in Social Life, The Hague, Martin Nijhoff, 1961, hlm. 265–266.

- ⁴ Ernest George Ravenstein, the Laws of Migration.”*Journal of the Statistical Society of London*, 48, (2), June, 1885, hlm. 167–235.
- ⁵ Chotib M.S I, *Kajian Kependudukan & Ketenagakerjaan*, Universitas National Indonesia, 2008.
- ⁶ Mochtar Naim, *Merantau: Minangkabau Voluntary Migration*, Gajah Madah University Press, 1979.
- ⁷ Menurut Soehartoko, ‘*pasompe*’ adalah proses pemindahan penduduk Wajo keluar Sulawesi Selatan dengan tujuan merantau, mencari pengalaman hidup dan membina kehidupan baharu di daerah lain dengan belayar. Lihat Soehartoko, *Merantau Bagi Orang Wajo” Makassar: Ringkasan Penelitian*, Pusat Latihan Penelitian Ilmu-Ilmu Sosial Universitas Hasanuddin, 1971, hlm. 27. Lihat juga Andi Ima Kesuma, *Migrasi & Orang Bugis: Penulusuran Kehadiran Opu Daeng Rilaka Pada Abad XVIII di Johor*, Yogyakarta: Ombak, 2004, hlm. 8. Lihat juga Rahilah Omar *et al.*, Dalam Sejarah Kedatangan Masyarakat Bugis Ke-Tanah Melayu: Kajian Kes Di Johor, *JEBAT, 36 UKM*, 2009, hlm. 42–43.
- ⁸ Peter Mulok Kedit, *Iban Bejalai*, Sarawak Literacy Society, Etnology, 1993. Juga lihat, Christian Padoch, *Migration and Its Alternatives among The Iban of Sarawak*, Ph.D. Thesis, Columbia University, 1978.
- ⁹ Amrullah Maraining, *Sejarah Migrasi dan Petempatan Komuniti Iban di Daerah Tawau, Sabah, 1940–2011*, Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Sabah, 2013.
- ¹⁰ McCall, G. The Future of Migration in the Pacific and Asia, *International Migration Review*, 25 (3): 620–624, 1991.
- ¹¹ Salah Jubair, *Bangsamoro, A Nation Under Endless*, IQ Marin Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1984. Juga lihat *The Battle for Sarawak’s Forests*, World rainforest movement & Sahabat Alam Malaysia, Pulau Pinang, 1989.
- ¹² Ramli Dollah, Wan Shawaluddin Wan Hassan, Diana Peters & Marja Azlina Omar, *Pendatang Filipina di Sabah: Satu Pemerhatian Dari Sudut Keselamatan, Jati*, Bil. 8, Disember 2003.
- ¹³ Abraham A Weinberg, Migration and Belonging: *A Study of Mental Health and Personal Adjustment in Israel*, Studies in Social Life, The Hague, Martin Nijhoff, 1961, hlm. 265–266.
- ¹⁴ Yannis A. Stivachtis, International Migration and The Politics of Identity and Security, *Journal of Social Sciences*, Vol. 2, Issue 1, 2008.
- ¹⁵ S.N. Eisenstadt, *The Absorption of Immigrants: A Comparative Study Based Mainly on the Jewish Community in Palestine and the of Israel*, Free Press of Glencoe, III, 1955, hlm. 1.
- ¹⁶ Bilcher Bala, *Sejarah Migrasi Masyarakat Lundayeh ke Sabah 1900–1963*, dalam *Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*, Siri Etnik Sabah, Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2012, hlm. 217–262.
- ¹⁷ Bilcher Bala, Perubahan Sosiobudaya Masyarakat Lundayeh, dalam Saidatul Nornis Haji. Mahali *et al.* *Pluraliti Etnik dan Budaya di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS. hlm 201–254.
- ¹⁸ Torsten Hagerstrand, David Hannerberg and Bruno Odeving, Migration In Sweden : A Symposium, Lund Studies In Geography, Series B, *Human Geography*, No. 13, 1957, hlm. 28.
- ¹⁹ Lihat, C. E. Cunningham, *The Postwar Migration of the Toba Bataks to East Sumatra*, Cultural Report Series, New Haven, Southeast Asia Studies, Yale University, 1958.
- ²⁰ Lihat, E.M Bruner, “*The Expression of Ethnicity in Indonesia.*” “SEADAG Papers on Problems of Development in Southeast Asia, 1972. Juga oleh penulis yang sama. Kin and non-Kin. Dlm. A. South all, ed., *Urban Anthropology*, London, Oxford University Press, 1972. “Medan: The Role of Kinship in an Indonesian City.” Dlm. A. Spoehr. (Ed.). Pacific

- Port Towns and Cities, Honolulu, dan Urbanization and Ethnic Identity in North Sumatra,” dalam *American Anthropologist*, 63, (3), 1963, hlm. 508–521.
- ²¹ Lihat, R. W. Liddle, *Ethnicity, Party and National Integration : An Indonesian Case Study*, New Haven: Yale University Press, 1970.
- ²² Badlishisyam Mod Nasir & Rafihi Wasihim, *Migrasi dan Dakwah: Satu Tinjauan Awal Di kalangan Migran Filipina Muslim di Kota Kinabalu, Sabah*, Tesis Sarjana, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.
- ²³ Perjuangan masyarakat Mindanao di selatan Filipina ini telah menyebabkan keadaan di selatan Filipina itu berada dalam keadaan yang tidak begitu stabil. Akibatnya, beribu-ribu penduduk Filipina melarikan diri daripada negara asal mereka akibat peperangan. Kebanyakan daripada penghijrah ini akhirnya menetap di Sandakan, Tawau dan Lahad Datu. Perjuangan masyarakat Mindanao di selatan Filipina ini telah menyebabkan keadaan di selatan Filipina itu berada dalam keadaan yang tidak begitu stabil. Akibatnya, beribu-ribu penduduk Filipina melarikan diri daripada negara asal mereka akibat peperangan. Kebanyakan daripada penghijrah ini akhirnya menetap di Sandakan, Tawau dan Lahad Datu. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Md. Saffie Abd. Rahim. ‘*Sejarah Pembangunan Ekonomi Semporna, 1963-1985*’. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar 50 tahun Merdeka, UITM, 4–5 September.
- ²⁴ Pendatang-pendatang ini tidak dianggap sebagai pelarian kerana keadaan di selatan Filipina dikatakan telah menjadi semakin baik selepas perjanjian Gerakan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) dengan Kerajaan Manila pada bulan September 1996. Maka, ia diperdebatkan bahawa pendatang-pendatang terbaru ini adalah penghijrah ekonomi yang mencari kehidupan yang lebih baik di Sabah.
- ²⁵ Zulkifli Hassan, *Pendatang Filipina di Kampung Bakau, Lahad Datu, Sabah: Satu Kajian Sosio Politik*, Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 1999.
- ²⁶ Peristiwa hitam pencerobohan bersenjata di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah mulai 9 Februari 2013 telah mengorbankan sejumlah 10 nyawa Pasukan Keselamatan (PK). Mereka terdiri daripada 8 pegawai dan anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan 2 daripada Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Di pihak musuh, seramai 63 orang telah terbunuh. Kumpulan penceroboh bersenjata tersebut dianggotai kira-kira 250 orang. Mereka terdiri daripada anggota Royal Sulu Security Forces (RSF) atau dikenali ‘Sundalo Tausug’. Ia diketuai Raja Muda Agbimuddin Kiram, adik Sultan Ismail Kiram II yang dikatakan berhasrat menuntut Sabah daripada Malaysia. Untuk keterangan lanjut lihat <https://my.news.yahoo.com/berita-insiden-pencerobohan-lahad-datu-sabah-sejarah-hitam-092758782.html> pada, Bernama Media – Mon, Dec 16, 2013.
- ²⁷ Temu bual bersama Mohammad bin Abraha, 44 tahun, ketua komuniti Suluk, Kampung Puyut, Lahad Datu, 5 Disember 2013.
- ²⁸ Habib Jamasali Sharief Rajah Bassal Abdurahman, *The Sultanate of Sulu: Their Dominion*, The University of Michigan Press, hlm. 2.
- ²⁹ Samuel K. Tan, *A History of the Philippines*, The University of the Philippines Press, 1987, hlm. 42.
- ³⁰ Anwar Sullivan, *Commemorative History of Sabah, 1881–1981*, Sabah State Government, Centenary Publications Committee, 1981, hlm. 85–86.
- ³¹ Hatta Yunus Sawabi, Masyarakat Suluk Cabaran dan Harapan Dalam *Menjana Transformasi Etnik Suluk*, Crescent News, 2011.

- ³² James Francis Warren, *The Sulu Zone 1768–1898, The Dynamics of External Trade, Slavery and Ethnicity in The Transformation of a Southeast Asian Maritime State*, National University of Singapore, 1981, hlm. 134.
- ³³ *Ibid*, hlm. 24.
- ³⁴ Congressional Record on Sabah, April 28, 1950, juga lihat *Historic Legacy of Sultan Alam*, MindaNews, 9 Mac 2013.
- ³⁵ Nik Anuar Nik Mahmud, *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, hlm. 18.
- ³⁶ *Ibid*, hlm. 19.
- ³⁷ Temu bual bersama Encik Abd Kasim bin Immum Bandai, Ketua Kampung Silam, Lahad Datu, Sabah, di kediamannya pada 6 Disember 2013.
- ³⁸ Selain itu, terdapat juga beberapa lagi nama tempat/daerah di Sabah yang berasal dari istilah dalam bahasa Suluk seperti daerah Tongod-Tungud yang merujuk tempat/kawasan, Tambunan-Timbanan (merujuk timbunan kubu Paduka Mat Salleh), Sook-Suuk (dekat). Untuk kerangan lanjut, lihat Mohd Fazil bin Ajak, *Penggunaan Bahasa Suluk di Sabah, Dalam Menjana Transformasi Etnik Suluk*, Crescent News, 2011.
- ³⁹ Temu bual bersama Hj. Abd Rani Abirin, 74 tahun, bekas sukarelawan era konfrontasi Malaysia-Indonesia, 6 Disember 2013.
- ⁴⁰ Kee Sabariah binti Kee Mohd Yussof & Asmiaty Amat dalam *Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain Di Sabah*, Siri Etnik Sabah, Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2012, hlm. 335–362.
- ⁴¹ *Ibid*.
- ⁴² *Ibid*.
- ⁴³ Jabatan Perangkaan Sabah, 2013.
- ⁴⁴ Najeeb Saleeby, *The History of Sulu*, Manila, 1908.
- ⁴⁵ Tausuq ialah sekelompok masyarakat di Sabah yang berasal dari Filipina. Di Filipina, masyarakat ini mendiami Kepulauan Sulu termasuklah Pulau Basilan, Tawi-Tawi serta sebahagian tenggara Mindanao, iaitu berdekatan Zamboanga. Mereka beragama Islam, sama seperti bangsa Maranao, Maguindanao dan Illanun yang juga terdapat di Pulau Mindanao, kawasan penduduk Islam di selatan Filipina. Mereka ini juga dikenali sebagai bangsa Moro. Untuk keterangan lanjut lihat, Thomas M. Kiefer, *The Tausuq, Violence and law in a Philippine Moslem Society*, 1972.
- ⁴⁶ Temu bual bersama Jakirin Jaili, Ketua Kampung Balembang, Pulau Bum-Bum pada 4 Disember 2013.
- ⁴⁷ Penghijrahan komuniti Suluk telah berlaku sebelum era kedatangan penjajah Inggeris lagi. Penghijrahan ini berlaku kerana wujud hubungan di antara penduduk di kepulauan Suluk dan Tanah Besar, Sabah. Pengaruh Kesultanan Sulu di bahagian timur Sabah khususnya, selepas Sabah diserahkan oleh Kesultanan Brunei menjelang abad ke-19.
- ⁴⁸ Merujuk kepada penghijrah yang lari dari tempat asal akibat ketidakstabilan politik di selatan Filipina. Menurut kisah sejarah, masyarakat Islam Filipina sering menghadapi konflik yang berpanjangan. Bermula sejak 1946 sebagai titik permulaan konflik diantara dua agama iaitu Islam dan Nasrani. Kemuncak konflik bermula apabila bermulanya campurtangan tentera Filipina dalam pergolakan tersebut. Pertempuran antara tentera dan pejuang pembebasan menyebabkan mereka tersepit dan sentiasa terancam. Untuk keterangan lanjut lihat, Cesar Adib Majul, *The Contemporary Muslim Movement in The Philippines*, Mizan Press, Barkeley, 1985. Lihat juga, T.J.H George, *Revolt in Mindanao: The Rise of Islam In Philippine Politics*, Oxford University Press, 1980.

- ⁴⁹ Merujuk kepada golongan migran yang masuk secara haram atau tidak berdaftar. Selepas 1981, migran Suluk yang datang ke Sabah dikategorikan sebagai pendatang asing. Golongan ini masuk ke Sabah selepas taraf pelarian politik dimansuhkan penggunaannya atas dasar ketidaksesuaian latar belakang yang membolehkan takrif ini dirujuk. Kategori pendatang asing negeri Sabah adalah mereka yang masuk sebagai pekerja, menggunakan pas pelawat, pas jaminan suami dan pendatang tanpa izin.
- ⁵⁰ Untuk keterangan lanjut lihat: http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130310/re_03/Suluk-Sabah-bukan-Sulu#ixzz2tYXBLbWx
- ⁵¹ Shamsul A.B. Debating about Identity in Malaysia: A Discourse Analysis. *Southeast Asian Studies* (Kyoto), 1996, 34(3): 476–499. Juga lihat, Ethnicity, Class, Culture or Identity? Competing Paradigms in Malaysia Studies. 1998. *Akademika*, 53 (Julai).
- ⁵² Shamsul A. B. The Construction and Transformation of a Social Identity: Malayness and Bumiputraness re-examined. *Journal of Asian and African Studies*, 1996, Vol. 52, 15–31.
- ⁵³ Berdasarkan laporan senarai pengundi etnik Suluk adalah antara pemilih terbesar di Sabah. Untuk keterangan lanjut, lihat senarai daftar pengundi mengikut komposisi etnik, 2013, Suruhanjaya Pilihan Raya, Cawangan Sabah.
- ⁵⁴ Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013.
- ⁵⁵ Temu bual bersama Hatta Yunus @Sawabi, 58 tahun, Pengerusi Persatuan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Suluk (PUSAKA), Sandakan, 5 Disember 2013.
- ⁵⁶ Temu bual bersama Salim, 58 tahun, Ahli Jawatankuasa Kampung Silam, 6 Disember 2013.

Rujukan

- Abraham A. Weinberg. (1961). *Migration and belonging: A Study of mental health and personal adjustment in Israel*. Studies in Social Life, The Hague: Martin Nijhoff.
- Amrullah Maraining. (2013). *Sejarah migrasi dan petempatan komuniti Iban di daerah Tawau, Sabah, 1940–2011*. Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Sabah.
- Andi Ima Kesuma. (2004). *Migrasi & Orang Bugis: Penulusuran kehadiran Opu Daeng Rilaka pada abad XVIII di Johor*. Yogyakarta: Ombak.
- Anwar Sullivan. (1981). *Commemorative history of Sabah, 1881-1981*. Kota Kinabalu: Sabah State Government, Centenary Publications Committee.
- Badlishisyam Mod Nasir & Rafihi Wasihim. (2000). *Migrasi dan dakwah: Satu tinjauan awal di kalangan migran Filipina Muslim di Kota Kinabalu, Sabah*. Tesis Sarjana, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bilcher Bala. (2012). Perubahan sosiobudaya masyarakat Lundayeh. Dlm. Saidatul Normis Haji. Mahali *et al.* (Eds.). *Pluraliti Etnik dan Budaya di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Bilcher Bala. (2012). *Sejarah migrasi masyarakat Lundayeh ke Sabah 1900-1963*. Dlm. *Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain Di Sabah*, Siri Etnik Sabah. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Cesar Adib Majul. (1985). *The contemporary Muslim movement in the Philippines*. Berkeley: Mizan Press.

- C. E. Cunningham. (1958). *The postwar migration of the Toba Bataks to East Sumatra*. Cultural Report Series. New Haven: Southeast Asia Studies, Yale University.
- Chotib, M.S.I. (2008). *Kajian kependudukan & ketenagakerjaan*. Jakarta: Universitas Nasional Indonesia.
- E.M Bruner. (1972). *The expression of ethnicity in Indonesia*. "SEADAG Papers on Problems of Development in Southeast Asia.
- Habib Jamasali Sharief Rajah Bassal Abdurahman, The Sultanate of Sulu: Their Dominion, the University of Michigan Press, hlm 2.
- James Francis Warren. (1981). *The Sulu Zone 1768–1898, the dynamics of external trade, slavery and ethnicity in the transformation of a Southeast Asian Maritime State*. Singapore: National University of Singapore.
- Kee Sabariah binti Kee Mohd Yussof & Asmiaty Amat. (2012). Dlm. *Murut & Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*, Siri Etnik Sabah. hlm. 335–362. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- McCall, G. (1991). The future of migration in the Pacific and Asia. *International Migration Review*, 25 (3), 620–624.
- Md. Saffie Abd. Rahim. Sejarah Pembangunan Ekonomi Semporna, 1963–1985. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar 50 tahun Merdeka, UITM, 4–5 September.
- Mochtar Naim. (1979). *Merantau: Minangkabau voluntary migration*. Yogyakarta: Gajah Madah University Press.
- Mohd Shairazi bin Mohd Safar. (2011). *Penghijrahan masyarakat dari utara Filipina ke wilayah di selatan Filipina pada zaman pemerintahan Presiden Ferdinand Marcos di Filipina (1965–1987)*, Latihan Ilmiah, Universiti Malaysia Sabah.
- Najeeb Saleeby. (1908). *The history of Sulu*. Manila.
- Padoch. Christian. (1978). *Migration and its alternatives among the Iban of Sarawak*, Ph.D. Thesis, Columbia University.
- Peter Mulok Kedit. (1993). *Iban Bejalai*. Sarawak Literacy Society, Ethnology.
- R. W. Liddle. (1970). *Ethnicity, party and national integration: An Indonesian case study*. New Haven: Yale University Press.
- Rahilah Omar *et al.* (2009). Sejarah kedatangan masyarakat Bugis ke-Tanah Melayu: Kajian kes di Johor. *JEBAT*, 36, 42–43.
- Ramli Dollah & Wan Shawaluddin Wan Hassan, Diana Peters & Marja Azlina Omar. (2003). Pendatang Filipina di Sabah: Satu pemerhatian dari sudut keselamatan. *JATI*, 8.
- S. N. Eisenstadt. (1955). *The absorption of immigrants: A comparative study based mainly on the Jewish community in Palestine and the of Israel*. New York: Free Press of Glencoe.
- Salah Jubair. (1984). *Bangsamoro, a nation under endless*. Kuala Lumpur: IQ Marin Sdn Bhd.
- Samuel K. Tan. (1987). *A history of the Philippines*. Metro Manila: The University of the Philippines Press.

- Shamsul A.B. (1996). The construction and transformation of a social identity: Malayness and Bumiputraness re-examined. *Journal of Asian and African Studies*, 52, 15–31.
- Soehartoko. (1971). *Merantau bagi Orang Wajo Makassar: Ringkasan penelitian*, Pusat Latihan Penelitian Ilmu-Ilmu Sosial Universitas Hasanuddin.
- Temu bual bersama Encik Abd Kasim bin Immum Bandai, Ketua Kampung Silam, Lahad Datu, Sabah, di kediamannya, 5 Disember 2013.
- Temu bual bersama Encik Mohammad bin Abraha, 44 Tahun, ketua komuniti Suluk Kampung Puyut, 5 Disember 2013.
- Temu bual bersama Hj Abd Rani Abirin, 74 tahun, bekas sukarelawan era konfrontasi Malaysia-Indonesia, 6 Disember 2013.
- The Battle for Sarawak's Forests*. (1989). Pulau Pinang: World Rainforest Movement & Sahabat Alam Malaysia.
- Thomas M. Kiefer. (1972). *The Tausuq*, Violence and law in a Philippine Moslem Society.
- T. J. H George. (1980). *Revolt in Mindanao: The rise of Islam in Philippine politics*. Oxford, UK: Oxford University Press.
- Torsten Hagerstrand, David Hannerberg *et al.* (1957). Migration in Sweden: A Symposium, Lund Studies in Geography, Series B, *Human Geography*, No. 13, hlm. 28.
- Yannis A. Stivachtis. (2008). International Migration and The Politics of Identity and Security. *Journal of Social Sciences*, 2 (1).
- Zulkifli Hassan. (1999). *Pendatang Filipina di Kampung Bakau, Lahad Datu, Sabah: Satu Kajian Sosio Politik*, Tesis Sarjana, Universiti Malaya.

